



SEMINAR DISIPLIN KEBANGSAAN
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA 2007

UM 26.11.2007 MS 13

Tangani disiplin murid di sekolah

PADA masa kini, sekolah-sekolah di Malaysia menggunakan Peraturan-peraturan Pelajaran (Disiplin Sekolah) 1959 yang telah digubal di bawah Ordinan Pelajaran 1957 untuk mengawal disiplin murid.

Melihat begitu lama peraturan tersebut diguna pakai iaitu kira-kira 47 tahun, maka Kementerian Pelajaran hari ini merasakan sudah tiba masanya peraturan tersebut digubal bagi disesuaikan dengan keadaan, perkembangan pendidikan dan permasalahan disiplin murid masa kini.

Hal ini kerana masalah disiplin murid pada hari ini amat kompleks disebabkan pelbagai faktor yang mempengaruhinya termasuklah cara didikan ibu bapa serta masalah kecelaruan rumah tangga.

Masalah pengurusan sekolah yang kurang mantap, pengaruh teknologi maklumat yang canggih di samping pengaruh persekitaran kehidupan seseorang murid juga mendorong masalah disiplin murid hari ini makin rumit.

Unsur-unsur yang amat sukar ditangani oleh pihak sekolah seperti gangsterisme dan kongsi gelap juga telah menular di kalangan murid sekolah.

Ita tidak dapat dibendung dengan hanya nasihat dan bimbingan sebaliknya perlu disertakan dengan pendidikan murid ke arah pematuhan undang-undang dan peraturan sekolah.

Justeru, Kementerian Pelajaran Malaysia telah mencadangkan satu peraturan baru bagi menggantikan Peraturan-peraturan Pelajaran (Disiplin Sekolah) 1959 perlu dibuat sebagai langkah menangani masalah disiplin murid hari ini.

Bagaimanapun pengubalan peraturan-peraturan tersebut melibatkan penyelarasan draf peraturan-peraturan dengan undang-undang lain seperti Akta Kanak-kanak 2001, Akta Dadah Berbahaya 1952, Akta Racun 1952 dan Akta Perubatan 1971.

Selain itu, ia juga melibatkan kepentingan pihak awam, penyediaan peraturan-peraturan tambahan serta penyediaan pelaksanaan peraturan disiplin sekolah yang komprehensif.

Pada masa yang sama pengetua, guru besar dan guru disiplin perlu dibekalkan dengan mekanisme penguatkuasaan yang mantap, lengkap dan menyeluruh bagi menguatkuasakan disiplin murid di sekolah.

Ini bagi memastikan penguatkuasaannya dapat menepati prinsip keadilan terhadap muridnya, mampu mencegah masalah disiplin serta dapat mewujudkan suasana pembelajaran yang tenteram dan selamat di sekolah.

Justeru, satu seminar dinamakan Seminar Peringkat Kebangsaan, Peraturan-peraturan Pendidikan (Disiplin Murid) 2007, Kementerian Pelajaran Malaysia akan diadakan pada 25 hingga 27 November 2007 diadakan bagi tujuan tersebut.

Seminar yang diadakan di Hotel Oriental Crystal, Kajang, Selangor itu akan dirasmikan oleh Menteri Pelajaran Malaysia, Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein pada 26 November 2007.

Manakala perasmian penutupnya pula akan disempurnakan oleh Timbalan Menteri Pelajaran Malaysia, Dato' Noh Omar pada keesokan harinya.

Seminar tersebut akan disertai oleh 500 peserta dari pelbagai pihak antaranya jabatan-jabatan dan agensi di bawah Kementerian Pelajaran, kementerian-kementerian berkaitan, jabatan-jabatan kerajaan dan agensi penguatkuasa, Badan-badan politik, Pertubuhan NGO, PIBG, pengetua, guru besar dan guru-guru serta para pelajar sendiri.

Selain pembentangan cadangan Peraturan-peraturan Pendidikan (Disiplin Murid) 2007, dibentangkan 10 kertas kerja dan perbengkelan yang bertujuan meneliti huraian topik dan memberi padangan serta input untuk memantapkan peraturan tersebut.

Kertas-kertas kerja yang akan dibincangkan ialah Akta Polis 1967, Akta Dadah Berbahaya 1952 dan Akta Racun 1952, Akta Kanak-kanak 2001, Hak Asasi Kanak-kanak yang akan disampaikan oleh agensi-agensinya berkaitan.

Topik-topik lain ialah Hukuman Keberkesanan dan Pemulihan; Ponteng, Kesan dan Penyelesaiannya; Peranan PIBG Menangani Disiplin Murid; Bidang Kuasa Guru Dalam Penguatkuasaan Disiplin Sekolah; Peranan NGO Dalam Menangani Gejala Disiplin Murid dan Peranan Media Massa Dalam Menangani Gejala Disiplin Murid.

Apa yang diharapkan melalui seminar tersebut ialah pada akhirnya akan dikemukakan satu resolusi yang akan memberi input bagi memantapkan peraturan disiplin murid di sekolah.

Di samping itu, hasil seminar itu juga nantinya akan menjelaskan bidang kuasa guru dalam menguatkuasakan peraturan disiplin murid di sekolah melalui Peraturan-peraturan Pendidikan (Disiplin Murid) 2007 yang akan dilaksanakan kelak.



Hubungan rapat antara pelajar mewujudkan suasana harmoni dalam pembelajaran dan membantu melahirkan modal insan yang sempurna dalam menangani masalah disiplin pelajar.